



17 Februari 2023
17 February 2023
P.U. (A) 44

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2023

PESTICIDES (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pengecualian) (No. 2) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2023.

Pengecualian

2. Tertakluk kepada perenggan 3, Menteri mengecualikan Behn Meyer Agricare (M) Sdn. Bhd. (Nombor Pendaftaran Syarikat: 3636-V) berhubung dengan perawis aktif *calcium cyanamide* daripada—

- (a) kehendak untuk mendaftarkan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 7 Akta;
- (b) kehendak untuk mendapatkan lesen untuk mengilang racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 15 Akta;
- (c) kehendak untuk mendapatkan lesen menjual atau menyimpan untuk jualan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 17 Akta; dan
- (d) larangan di bawah subperenggan 53A(1)(a) Akta bagi maksud untuk memiliki atau menggunakan racun makhluk perosak itu.

Syarat pengecualian

3. (1) Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) syarikat hendaklah memohon pendaftaran Perlka sebagai racun makhluk perosak; dan

(b) syarikat tidak boleh menggunakan cap dagangan Perlka untuk baja sehingga pendaftaran di bawah subsubperenggan (a) selesai.

(2) Menteri boleh membatalkan pengecualian di bawah perenggan 2 jika mana-mana syarat di bawah subperenggan (1) tidak dipatuhi.

Dibuat 30 Disember 2022
[KP/LA/8/11; PN(PU2)275/XXIII]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 59 of the Pesticides Act 1974 [Act 149], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Pesticides (Exemption) (No. 2) Order 2023**.
- (2) This Order comes into operation on 1 March 2023.

Exemption

2. Subject to paragraph 3, the Minister exempts Behn Meyer Agricare (M) Sdn. Bhd. (Company Registration Number : 3636-V) in relation to the active ingredient calcium cyanamide from—

- (a) the requirement to register the pesticide under the section 7 of the Act;
- (b) the requirement to obtain a licence to manufacture the pesticide under section 15 of the Act;
- (c) the requirement to obtain a licence to sell or store for sale the pesticide under section 17 of the Act; and
- (d) the prohibition under subparagraph 53A(1)(a) of the Act for the purposes of possession or use of the pesticide.

Condition of exemption

3. (1) The exemption under paragraph 2 is subject to the following conditions:
 - (a) the company shall apply to registering Perlka as a pesticide; and

(b) the company shall not use the trade name Perlka for fertilizer until the registration under subparagraph (a) is completed.

(2) The Minister may revoke the exemption under paragraph 2 if any condition under subparagraph (1) is not complied with.

Made 30 December 2022
[KP/LA/8/11; PN(PU2)275/XXIII]

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Minister of Agriculture and Food Security